

**PENGHASILAN WARNA DALAM KALANGAN  
MASYARAKAT SABAH TRADISIONAL:  
SATU KAJIAN TENTANG KAEDAH,  
TEKNIK DAN KEGUNAANNYA**

**NOOR SYAHARINA BINTI AMBOK ONGAK**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK SYARAT  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA  
TEKNOLOGI SENI VISUAL**

**SEKOLAH PENGAJIAN SENI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2011**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

**JUDUL:** PENGHASILAN WARNA DALAM KALANGAN MASYARAKAT SABAH  
TRADISIONAL: SATU KAJIAN TENTANG KAEDAH, TEKNIK DAN  
KEGUNAANNYA

**IJAZAH:** IJAZAH SARJANA SASTERA TEKNOLOGI SENI VISUAL

**SAYA:** NOOR SYAHARINA BINTI AMBOK ONGAK

**SESI PENGAJIAN:** 2007-2011

Mengaku membenarkan tesis (Sarjana) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / )

<input type="checkbox"/>
<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

SULIT


(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


Disahkan Oleh

  
(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap : No 46, Jln. Damai,  
Tmn. Sri Damai, 83100, Rengit,  
Batu Pahat, Johor

  
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

  
Nama Penyelia

Tarikh: 28/09/2011

Tarikh: 29/9/11

CATATAN: \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



Noor Syaharina Binti Ambok Ongak

PY20078444



**NAMA : NOOR SYAHARINA BINTI AMBOK ONGAK**

**NO MATRIK : PY2007 8444**

**TAJUK : PENGHASILAN WARNA DALAM KALANGAN  
MASYARAKAT SABAH TRADISIONAL: SATU KAJIAN  
TENTANG KAEDAH, TEKNIK DAN KEGUNAANNYA**


**IJAZAH : SARJANA SASTERA TEKNOLOGI SENI VISUAL**

**TARIKH VIVA:**

**DISAHKAN OLEH**

**1. PENYELIA**

**PROF. MADYA DR. HJ. ISMAIL BIN HJ. IBRAHIM**



*(Tandatangan)*

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum WBT.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya akhirnya saya berjaya menyiapkan tesis ini. Sebagai sebahagian pelajar pascasiswazah Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah (UMS) tentunya saya berasa bangga dapat menuntut ilmu di Negeri di Bawah Bayu ini. Terima kasih diucapkan kepada pihak yang memberikan saya peluang untuk membuat kajian etnik Sabah.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Hj. Ismail Bin Hj. Ibrahim selaku penyelia kajian dan juga selaku Dekan Sekolah Pengajian Seni, UMS atas segala sokongan dan sumbangan dalam menjalankan penyelidikan ini. Kepada En. Humin Jusilin, terima kasih diucapkan atas bantuan dan sokongan moral yang diberikan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada informan-informan yang banyak membantu. Jasa baik dan kesungguhan membantu saya tidak akan dilupakan. Teristimewa buat kedua orang tua saya dan sahabat handai yang sentiasa memberikan sokongan dan semangat.

Terima Kasih.

NOOR SYAHARINA BINTI AMBOK ONGAK  
2011



## ABSTRAK

### **PENGHASILAN WARNA DALAM KALANGAN MASYARAKAT SABAH TRADISIONAL: SATU KAJIAN TENTANG KAEDAH, TEKNIK DAN KEGUNAANNYA**

Setiap bahan dan sumber semula jadi serta kaedah dan teknik menghasilkan warna dikenal pasti dan didokumentasikan secara terperinci untuk dijadikan sumber rujukan. Maklumat terperinci tentang bahan, kaedah dan teknik kajian diperoleh daripada informan-informan yang terdiri daripada golongan tua serta individu yang mahir dalam pembuatan warna dan kraf tangan bagi masyarakat Bajau, Murut, Lundayeh, Iranun, Kadazandusun dan Rungus. Penyelidikan ini juga telah berjaya memperlihatkan beberapa warna yang dihasilkan secara tradisi seperti hitam, merah, kuning, hijau, merah jingga, merah jambu, ungu, coklat dan perang. Warna-warna tradisi ini dihasilkan sepenuhnya daripada sumber alam semula jadi seperti kulit kayu, daun, buah-buahan, biji-biji buah, lumpur dan arang. Teknik yang digunakan dalam penghasilan warna ini mencakupi teknik rebusan, teknik gosokan dan sapuan, serta teknik rendaman dan perapan yang setiap satunya akan dilakukan dalam jangka masa yang berbeza.

## **ABSTRACT**

*This research documents traditional methods and ways of making colours and records the materials used. Documentation means making notes and recording in minute detail the traditional methods of making colours in several tribes in Sabah, namely the Bajaus, Muruts, Lundayehs, Iranuns, Kadazandusuns and Rungus. Research shows that there are several colours produced by these traditional colour-making methods such as black, red, yellow, green, orange, pink, purple, dark brown and light brown. These colours are produced through combinations of materials found in nature such as tree barks, leaves from bushes, coloured fruits and turmeric. Other mediums such as mud and coal are also used as colouring material. In general, the practice of traditional colour making has become scarce because practitioners of this traditional craft have advanced to using commercially produced colours found in the open market.*



	Halaman
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>BAB 1 : PENGENALAN</b>	
1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Objektif Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	1
1.3 Kepentingan Kajian	2
1.4 Persoalan Kajian	3
1.5 Lokasi Kajian	3
1.6 Batasan Kajian	4
1.7 Metodologi Kajian	4
1.7.1 Sumber Primer (Kajian Lapangan)	5
a. Kaedah Temu bual	5
b. Merekod	5
1.7.2 Sumber Sekunder	6
a. Rujukan Perpustakaan	6
1.8 Kajian Literatur Masyarakat Sabah	6
1.8.1 Kumpulan Etnik di Sabah - Merujuk Kepada Beberapa Suku Kaum yang ada Kaitan dengan Penyelidikan	
1.8.1.1 Dusun	8
1.8.1.2 Murut	11



1.8.1.3	Lundayeh	13
1.8.1.4	Bajau	15
1.8.1.5	Iranun	16
1.9	Kesimpulan	18

**BAB 2 : KRAF TANGAN SABAH-SATU TINJAUAN UMUM TERHADAP KRAF TANGAN YANG MENGGUNAKAN WARNA SECARA TRADISI**

2.0	Pengenalan	19
2.1	Kraf Tradisi Masyarakat Sabah	
2.1.1	Kraf tangan	19
2.1.2	Anyaman	21
2.1.3	Tenunan	26
	a) Tenunan Kain Dastar	27
	b) Tenunan Kain <i>Mugah</i>	29
	c) Tenunan Kain <i>Sambitan</i>	30
	d) Tenunan Tapak Sila	31
2.1.4	Manik	31
2.1.5	Ukiran Parang Bajau	34
2.2	Kesimpulan	39

**BAB 3 : WARNA DALAM KONTEKS KONTEMPORARI DAN TRADISI**

3.0	Pengenalan	40
3.1	Warna Dalam Konteks Tradisi	40
3.2	Warna Dalam Konteks Kontemporari	46
3.3	Warna Dan Peranannya Menurut Cerita Lisan	
3.3.1	Dusun	51
3.3.2	Murut	55
3.3.3	Rungus	58
3.3.4	Bajau	60



3.3.5	Iranun	63
3.4	Kesimpulan	65
<b>BAB 4 : KAEDAH PENGHASILAN WARNA</b>		
4.0	Pengenalan	67
4.5	Kesimpulan	119
<b>BAB 5 : ANALISIS KAJIAN</b>		
5.1	Bahan Campuran Pewarna Hitam	120
5.2	Bahan Campuran Pewarna Hijau	125
5.3	Bahan Campuran Pewarna Kuning	127
5.4	Bahan Campuran Pewarna Merah	130
5.5	Bahan Campuran Pewarna Merah Jingga	134
5.6	Bahan Campuran Pewarna Merah Jambu	136
5.7	Bahan Campuran Pewarna Ungu	136
5.8	Bahan Campuran Pewarna Coklat	137
5.9	Bahan Campuran Pewarna Perang	137
5.10	Teknik-Teknik Dalam Penghasilan Warna	138
5.10.1	Teknik Rebusan	138
5.10.2	Teknik Gosokan dan Teknik Sapuan	139



5.10.3	Teknik Rendaman dan Teknik Perapan	139
5.11	Kesimpulan	140
<b>BAB 6 : RUMUSAN</b>		141
<b>BAB 7 : PENUTUP</b>		148
<b>RUJUKAN</b>		153
<b>LAMPIRAN</b>		161



## SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.5 : Peta Sabah	3
Rajah 4.1 : Warna Hijau Suku Kaum Bajau	67
Rajah 4.2 : Warna Kuning Suku Kaum Bajau	69
Rajah 4.3 : Warna Hitam Suku Kaum Rungus	70
Rajah 4.4 : Warna Hitam Suku Kaum Murut	71
Rajah 4.5 : Warna Kuning Suku Kaum Bajau	72
Rajah 4.6 : Warna Merah Suku Kaum Rungus	73
Rajah 4.7 : Warna Kuning Suku Kaum Rungus	75
Rajah 4.8 : Warna Merah Suku Kaum Iranun	76
Rajah 4.9 : Warna Hitam Suku Kaum Dusun	77
Rajah 4.10 : Warna Hijau Suku Kaum Bajau	78
Rajah 4.11 : Warna Ungu Suku Kaum Kadazadusun	79
Rajah 4.12 : Warna Hitam Suku Kaum Dusun	80
Rajah 4.13 : Warna Hitam Suku Kaum Murut	81
Rajah 4.14 : Warna Hitam Suku Kaum Rungus	83
Rajah 4.15 : Warna Hitam Suku Kaum Rungus	84
Rajah 4.16 : Warna Kuning Suku Kaum Rungus	85
Rajah 4.17 : Warna Merah Jingga Suku Kaum Rungus	86
Rajah 4.18 : Warna Kuning Suku Kaum Bajau	87
Rajah 4.19 : Warna Merah Jingga Suku Kaum Bajau	88
Rajah 4.20 : Warna Hitam Suku Kaum Dusun	89
Rajah 4.21 : Warna Merah Suku Kaum Bajau	90
Rajah 4.22 : Warna Hitam Suku Kaum Bajau	91
Rajah 4.23 : Warna Hijau Suku Kaum Iranun	92
Rajah 4.24 : Warna Kuning Suku Kaum Iranun	93
Rajah 4.25 : Warna Hijau Suku Kaum Iranun	94
Rajah 4.26 : Warna Merah Jambu Suku Kaum Iranun	95
Rajah 4.27 : Warna Hitam Suku Kaum Iranun	96
Rajah 4.28 : Warna Merah Suku Kaum Iranun	97
Rajah 4.29 : Warna Coklat Suku Kaum Bajau	98
Rajah 4.30 : Warna Merah Suku Kaum Lundayeh	99



Rajah 4.31 : Warna Merah Suku Kaum Lundayeh	100
Rajah 4.32 : Warna Merah Suku Kaum Lundayeh	101
Rajah 4.33 : Warna Merah Suku Kaum Lundayeh	102
Rajah 4.34 : Warna Hitam Suku Kaum Iranun	103
Rajah 4.35 : Warna Kuning Suku Kaum Iranun	104
Rajah 4.36 : Warna Merah Jingga Suku Kaum Iranun	105
Rajah 4.37 : Warna Merah Suku Kaum Iranun	106
Rajah 4.38 : Warna Hijau Suku Kaum Iranun	107
Rajah 4.39 : Warna Hitam Suku Kaum Dusun	108
Rajah 4.40 : Warna Hitam Suku Kaum Murut	110
Rajah 4.41 : Warna Hitam Suku Kaum Murut	111
Rajah 4.42 : Warna Perang Suku Kaum Murut	112
Rajah 4.43 : Warna Hitam Suku Kaum Murut	113
Rajah 4.44 : Warna Kuning Suku Kaum Murut	115
Rajah 4.45 : Warna Merah Suku Kaum Brunei	116
Rajah 4.46 : Warna Kuning Suku Kaum Brunei	117
Rajah 4.47 : Warna Merah Jingga Suku Kaum Bajau	118
Rajah 5.1.1 : Bahan Pewarna Hitam Kaum Rungus	121
Rajah 5.1.2 : Bahan Pewarna Hitam Kaum Murut	122
Rajah 5.1.3 : Bahan Pewarna Hitam Kaum Dusun	123
Rajah 5.1.4 : Bahan Pewarna Hitam Kaum Bajau	124
Rajah 5.1.5 : Bahan Pewarna Hitam Kaum Iranun	125
Rajah 5.2.1 : Bahan Pewarna Hijau Kaum Bajau	126
Rajah 5.2.2 : Bahan Pewarna Hijau Kaum Iranun	127
Rajah 5.3.1 : Bahan Pewarna Kuning Kaum Rungus	128
Rajah 5.3.2 : Bahan Pewarna Kuning Kaum Murut	128
Rajah 5.3.3 : Bahan Pewarna Kuning Kaum Bajau	129
Rajah 5.3.4 : Bahan Pewarna Kuning Kaum Iranun	130
Rajah 5.3.5 : Bahan Pewarna Kuning Kaum Brunei	130
Rajah 5.4.1 : Bahan Pewarna Merah Kaum Rungus	131
Rajah 5.4.2 : Bahan Pewarna Merah Kaum Bajau	132
Rajah 5.4.3 : Bahan Pewarna Merah Kaum Iranun	132
Rajah 5.4.4 : Bahan Pewarna Merah Kaum Lundayeh	133



Rajah 5.4.5 : Bahan Pewarna Merah Kaum Brunei	134
Rajah 5.5.1 : Bahan Pewarna Merah Jingga Kaum Rungus	134
Rajah 5.5.2 : Bahan Pewarna Merah Jingga Kaum Bajau	135
Rajah 5.6.1 : Bahan Pewarna Merah Jambu Kaum Iranun	136
Rajah 5.7.1 : Bahan Pewarna Ungu Kaum Kadazandusun	136
Rajah 5.8.1 : Bahan Pewarna Coklat Kaum Bajau	137
Rajah 5.9.1 : Bahan Pewarna Perang Kaum Murut	138



## SENARAI FOTO

Halaman

Foto 2.1	22
Foto 2.2	22
Foto 2.3	24
Foto 2.4	25
Foto 2.5	26
Foto 2.6	28
Foto 2.7	39
Foto 2.8	31
Foto 2.9	31
Foto 2.10	32
Foto 2.11	33
Foto 2.12	34
Foto 2.13	36
Foto 2.14	37
Foto 3.1	41
Foto 3.2	44
Foto 3.3	45
Foto 3.4	46



# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Latar Belakang Kajian

Warna tradisi ialah warna yang dihasilkan daripada sumber alam semula jadi yang diwarisi sejak turun temurun. Setiap bahan yang digunakan serta kaedah dan teknik menghasilkan warna dikenal pasti dan didokumentasikan secara terperinci oleh penyelidik. Penyelidik merekodkan segala kaedah penghasilan warna secara tradisi yang telah dihasilkan oleh beberapa suku kaum di Sabah.

Mengenali sumber asas daripada kajian penghasilan pembuatan warna tradisi dapat memberi kesedaran tentang keaslian dan fungsi bahan-bahan yang diperoleh di persekitaran yang ada di Sabah. Dalam membuat kajian seperti ini, ia melibatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kajian, kerana ini adalah khazanah yang perlu diberikan keutamaan. Apatah lagi masyarakat di Sabah telah pun menghasilkan banyak warna berasaskan sumber pribumi. Penemuan warna-warna tradisi ini seharusnya dijaga dan diperkembangkan agar tidak pupus ditelan zaman.

### 1.1 Objektif Kajian

- 1.1.1 Menyenaraikan bahan dan sumber semula jadi yang digunakan untuk menghasilkan warna-warna tradisi.
- 1.1.2 Mengenal pasti bahan-bahan campuran lain dalam adunan yang digunakan untuk menghasilkan warna-warna tradisi.
- 1.1.3 Merekod kaedah dan cara menghasilkan warna-warna tradisi.

### 1.2 Permasalahan Kajian

Berdasarkan pemerhatian terhadap beberapa suku kaum di Sabah, jelas menunjukkan bahawa warna-warna tradisi yang dihasilkan adalah melalui



sumber-sumber daripada alam semula jadi. Warna ini digunakan untuk mewarna kraf tangan seperti pakaian, alat muzik, anyaman dan tatu. Pada masa kini hanya segelintir golongan tua yang mahir menghasilkan warna secara tradisi berbanding dengan generasi muda yang lebih gemar membeli warna yang sedia ada. Oleh itu, untuk mengekalkan kewujudan warna-warna tradisi tersebut, kajian mengenainya perlulah diperluaskan dan dipertingkatkan. Hal ini kerana penyelidik merasakan penghasilan warna-warna tradisi ini boleh diketengahkan disebabkan ia adalah satu khazanah yang amat berharga dan boleh dikomersialkan di peringkat yang lebih tinggi.

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Mengetahui cara warna dihasilkan bukanlah semata-mata untuk dikomersialkan tetapi apa yang lebih penting ialah untuk mengetahui segala hasil sumber alam semula jadi. Kajian ini dapat mengetengahkan beberapa bahan sumber semula jadi yang digunakan dalam penghasilan warna tradisi. Selain itu, kelainan yang ingin ditonjolkan dalam hasil kajian ini diharapkan dapat memberi variasi atau kepelbagaian dalam penghasilan produk tempatan khususnya di negara ini sejajar dengan perkembangannya.

Hasil warna berasaskan sumber pribumi ini boleh digunakan sebagai satu produk untuk pembelajaran seperti produk pensil warna ataupun untuk kegunaan lain seperti dalam bidang seni bina, tekstil, dan seramik. Kajian warna tradisi ini juga akan menjadi salah satu hasil produk yang setanding dengan hasil produk yang ada di pasaran dan dapat menarik lebih ramai masyarakat untuk mengenali sumber-sumber pribumi yang terdapat di Malaysia khususnya di Sabah.

Diharapkan agar kajian-kajian sebegini dapat dipelbagaikan dan dipertingkatkan bagi membolehkan generasi seterusnya mengetahui dan terus menghargai segala sumber pribumi yang sedia ada. Hal ini kerana kajian-kajian seperti ini dapat dijadikan sumber pengetahuan sampingan yang berguna dan dapat memberikan kesan kepada individu yang menghayati dan mengkajinya kerana ia diterjemahkan melalui aspek dan pendekatan yang berbeza.

## 1.4 Persoalan Kajian

- 1.4.1 Apakah bahan dan sumber semula jadi yang digunakan untuk menghasilkan warna-warna tradisi?
- 1.4.2 Apakah bahan-bahan campuran untuk menghasilkan warna-warna tradisi?
- 1.4.3 Apakah kaedah untuk menghasilkan warna-warna tradisi?

## 1.5 Lokasi Kajian

Lokasi kajian ini akan dijalankan di sekitar Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, Ranau, Keningau, Tenom, Nabawan, Sook, Sipitang, Beaufort dan Lahad Datu dimana terdapatnya warna-warna tradisi yang dihasilkan oleh masyarakat etnik Sabah melalui hasil kraf tangan. Selain itu, lokasi kajian juga akan meliputi kawasan di mana terdapatnya informan yang arif tentang penghasilan warna-warna tradisi berada, merangkumi beberapa kawasan yang mungkin di luar sasaran lokasi penyelidikan.



Rajah 1.5 : Peta Sabah

(Sumber : Shim, P. S, 2007:3)

## **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini terhad kepada catatan kaedah, penghasilan teknik dan mengetahui bahan untuk menghasilkan warna-warna secara tradisi serta kegunaannya dalam masyarakat di sekitar Sabah. Kaedah yang dimaksudkan adalah cara-cara atau peraturan menghasilkan warna tradisi dengan mengambil kira adunan bahan-bahan yang digunakan dan kuantiti bahan-bahan yang diperlukan. Teknik itu pula adalah satu pengetahuan yang berkaitan dengan pembuatan warna tradisi yang mempunyai tujuan tertentu seperti masa yang diambil untuk proses penghasilan dan penyelenggaraan akhir sebelum warna siap digunakan. Manakala, bahan itu pula adalah sesuatu yang digunakan dalam menghasilkan warna tersebut dengan setiap bahan yang digunakan disenaraikan dan dikenal pasti.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Kaedah pemerhatian dan penyelidikan di lapangan merupakan kaedah yang sesuai digunakan dalam menyiapkan kajian ini. Kajian ini memerlukan berbagai ragam pengangkutan seperti bot, pacuan empat roda dan berjalan kaki kerana kebanyakan tempat kajian adalah di kawasan-kawasan pedalaman sekitar negeri Sabah. Pembantu penyelidik juga amat diperlukan untuk tujuan menterjemah dan pandu arah. Langkah pertama yang diambil untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian adalah penyelidik pergi ke Muzium Negeri untuk memastikan sama ada terdapat sesiapa yang telah membuat kajian seperti ini dan menjadikannya sebagai bahan rujukan. Selepas itu, penyelidik pergi ke Pusat Kraf Tangan Sabah atau mana-mana cawangan kraf tangan untuk membuat penyelidikan berkaitan warna-warna tradisi yang terdapat pada hasil-hasil kraf tersebut. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan juga mana-mana perpustakaan disekitar Sabah turut dikunjungi dalam menjalankan penyelidikan.

Kajian ini bersifat etnografi yang memerlukan penyelidik berada di lapangan bagi tujuan pemerhatian, pengumpulan data dan merakam. Situasi ini berbeza dengan bidang arkeologi yang memfokuskan kajian bahan-bahan sejarah yang kebanyakannya dibuat dengan cara cari gali data-data yang dicatat serta merakam khususnya bahan-bahan budaya manusia. Lebih jelas lagi, etnografi merupakan bahagian dari etnologi yang meliputi cara-cara pengumpulan bahan

dan rakaman tentang masyarakat dan kebudayaan daripada suatu suku kaum di satu daerah yang tertentu (Siti Zainon Ismail, 1998:4).

Kajian penyelidikan lapangan ini berhadapan dengan beberapa masyarakat suku kaum di Sabah sebagai sumber mencari dan mengumpul sumber data utama. Bagi tujuan mendapat sumber asas daripada pembuat warna dan pembuat kraf yang arif, penyelidik memilih informan yang berwibawa untuk ditemu ramah atau diuji kenyataan faktor-faktor yang telah pernah dicatat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu sekiranya ada.

Oleh kerana bahan ciptaan ini masih berlangsung ciptaannya, maka penyelidik akan merakamkannya melalui teknik pemerhatian menerusi perjumpaan dengan pembuat warna-warna tradisi yang masih mengusahakannya. Penyelidik juga terlibat secara langsung melihat dan memerhati tentang proses kaedah penghasilan dan pembuatan, bahan-bahan yang digunakan sekaligus menilai dari sudut estetika dan keunikan berdasarkan fungsi, nilai praktikal dan keindahannya. Proses ini dapat dilihat apabila diaplikasikan pada kraf tangan, pakaian dan alat muzik.

### **1.7.1 Sumber Primer**

#### **a. Kaedah Temu Bual**

Kaedah temu bual digunakan untuk menemu bual orang perseorangan dan pengkaji yang arif tentang penghasilan warna pribumi. Mereka berjaya ditemui di kawasan perusahaan kraf tangan yang terdapat di beberapa kawasan di Sabah. Kaedah ini membawa pengkaji kepada kerja-kerja lapangan di lokasi yang telah dipilih untuk membuat beberapa penyelidikan dan membuat penggambaran video atau mengambil gambar untuk dijadikan rujukan.

#### **b. Merekod**

Penyelidik merekod dan merakam segala proses menghasilkan warna secara tradisi semasa berada di lapangan dengan menggunakan alat perakam video. Selain itu, penyelidik mencatat segala bahan dan sumber yang digunakan untuk

menghasilkan warna. Penyelidik akan membuat rumusan berdasarkan laporan dalam bentuk bertulis, rakaman video dan rakaman gambar yang telah diperolehi.

### **1.7.2 Sumber Sekunder**

#### **a. Rujukan Perpustakaan**

Kaedah ini akan membantu penyelidik mendapatkan bahan dan maklumat yang terkini melalui pembacaan buku, majalah, jurnal dan bahan lain yang berkaitan dengan warna. Selain itu, penyelidik juga mencari maklumat tentang pandangan, kritikan dan teori berkaitan warna yang boleh dijadikan bahan rujukan dalam penulisan kajian ini.

### **1.8 Kajian Literatur Masyarakat Sabah**

#### **1.8.1 Kumpulan Etnik di Sabah - Merujuk Kepada Beberapa Suku Kaum Yang Ada Kaitan dengan Penyelidikan**

Sabah yang dikenali dengan nama Negeri Di Bawah Bayu adalah sebuah negeri yang unik dan terkenal dengan kepelbagaian budaya suku kaumnya. Keunikan ini terserlah daripada penduduk Sabah yang terdiri daripada lebih kurang 41 kumpulan dan subkumpulan etnik yang menggunakan lebih kurang 50 bahasa dan menuturkannya dalam tidak kurang daripada 80 dialek. Setiap kumpulan etnik dan subkumpulan etnik ini juga mempunyai amalan budaya, kepercayaan, adat resam, agama dan sistem yang berbeza (King, 1993:5-6).

Kebanyakan penulis Barat mengakui bahawa penduduk pribumi Sabah terdiri daripada pelbagai kumpulan dan subkumpulan etnik yang berbeza-beza antara satu sama lain. Ia ditunjukkan melalui perbezaan dialek, adat dan budaya yang diamalkan menyebabkan penduduk Sabah amat sukar untuk dikenal pasti. Walaupun Sabah kaya dengan kebudayaan dan kesenian namun perbezaan di antara satu sama lain adalah ketara. Hal ini dapat dilihat terutamanya pada pakaian tradisi, tarian, muzik dan kraf tangan. Setiap satunya akan mencerminkan identiti sesuatu suku kaum dengan jelas.

Kumpulan etnik di Sabah seperti dicatatkan oleh Bruce (1999:56) terdapat tiga kumpulan etnik terbesar, iaitu Dusun, Murut dan Bajau. Leigh (2000:89) turut menyenaraikan nama-nama kaum pribumi Sabah kepada kumpulan etnik seperti Kuijau, Dusun, Murut, Bajau dan Iranun. Subkumpulan etnik yang lain terdiri daripada Melayu Brunei, Kedayan, Orang Sungai, Bisaya, Sulu, Tidong dan kumpulan kacukan "Sino" yang merupakan keturunan hasil perkahwinan Cina dan penduduk pribumi.

Setiap kumpulan etnik mempunyai adat resam, kebudayaan dan amalan kepercayaan yang berbeza-beza. Mereka terdiri daripada penduduk pribumi bukan Islam dan pribumi Islam. Kumpulan etnik Dusun, Murut dan Rungus kebanyakannya bukan beragama Islam. Manakala kumpulan etnik Idahan, Bajau, Iranun, Suluk, Bisaya, Melayu-Brunei, Orang Sungai dan Tidong pula pada keseluruhannya beragama Islam (Mohtar Md. Dom, 1977:57).

Walaupun statistik penduduk Sabah berubah-ubah mengikut zaman, pengkategorianya tertumpu kepada beberapa kumpulan etnik yang dianggap utama sahaja. Ini dapat dilihat bahawa sekarang ini pengkategorikan penduduk pribumi Sabah yang utama hanyalah kepada kaum Dusun, Murut, Bajau, Iranun, Suluk, Bisaya dan Melayu Brunei. Pada hari ini, kaum Cina turut dianggap sebagai penduduk pribumi Sabah kerana mereka adalah golongan yang terawal dibawa oleh para pentadbir pada masa dahulu dan pada masa ini kebanyakan mereka telah berkahwin dengan masyarakat pribumi (Mat Zin Mat Kib, 2002:1).

Williams (*d/m.* Siti Zainon Ismail, 1985:115-119) berpendapat bahawa kira-kira 15,000 hingga 20,000 tahun dahulu telah berlaku penghijrahan penduduk dari bahagian selatan negara China ke Asia Tenggara dan kawasan-kawasan pesisirnya, termasuklah ke Pulau Borneo. Antara mereka yang berpindah dari benua Asia ini (sejak tahun 1500 hingga 1000 S.M lagi) terdiri daripada kumpulan etnik yang pada hari ini disebut Dusun dan Murut. Berdasarkan fakta inilah kelompok Dusun dan Murut dikatakan dua kelompok yang paling awal berada di Sabah. Kelompok ini secara umumnya disebut Melayu-Proto yang mengamalkan rumpun bahasa *Austronesia*. Charuruks & Padasian (1992:1)

mengandaikan rumpun *Austronesia* telah menetap di bumi Borneo sejak 4,000 S.M dan mereka inilah nenek moyang kepada orang Kadazandusun, Murut dan Paitan yang ada di Sabah pada hari ini. Sebagai satu istilah khusus, Austronesia bermaksud Pulau Selatan. Istilah ini berasal daripada dua tradisi budaya yang berlainan, iaitu daripada bahasa Latin – *Austro* bermaksud 'selatan' dan dalam bahasa Yunani – *Neso* yang bermaksud 'pulau' (Low Kok On, 2005:15).

Petempatan penduduk pribumi Sabah agak berselerak mengikut kawasan tertentu, khususnya di kawasan pedalaman dan di pesisir. Contohnya, penduduk peribumi bukan Islam seperti Dusun, Murut dan Rungus tidak suka bergantung hidup dengan hasil laut dan justeru itu mereka menetap di kawasan pedalaman. Kawasan ini memudahkan mereka menjalankan aktiviti bercucuk tanam, memburu binatang dan sebagainya. Mereka juga dikatakan memilih petempatan ini untuk menjauhkan diri mereka daripada terperangkap dalam peperangan, rompakan dan pembunuhan yang sering berlaku di kawasan pesisir (Bruce, 1999: 97).

#### **a) Dusun**

Dusun merupakan kumpulan etnik utama yang terbesar di negeri Sabah. Umumnya, mereka merupakan kelompok etnik yang bertutur dalam bahasa dan dialek yang hampir sama, begitu juga dari segi budaya dan kepercayaan tradisi. Dalam suku kaum Dusun terdapat sekurang-kurangnya 10 bahasa yang mempunyai lebih daripada 30 jenis dialek dituturkan.

Rosnah & Abdul Halim (1999:3-4) menyatakan masyarakat Dusun terbahagi kepada beberapa suku kaum seperti suku kaum Tanggara dan Kadazan di Penampang dan Papar, Dupas di Labuk, Tatana dan Bundu di Kuala Penyu, Tambanuo dan Paitan di Sungai Paitan, Lotud di Tuaran, Tebilug, Garo dan Kimaragang di Kota Marudu dan Lingkabau di Sugut serta Bonggi di Pulau Banggi. Manakala Sarayo, Sonsogon, Panansawa Tingaras dan Lobou di Ranau, Kudat dan Kota Marudu, Tutong di Brunei, Minokok, Mangkaak, Luba, Lingkabau, Tobilung, Nulu, Talantang di Kinabatangan dan Tagahas, Tuhawon dan Liwan di Tambunan. Nama-nama tersebut wujud berdasarkan nama pokok, nama sungai dan bukit

seperti Tagahas yang berasal daripada sejenis pokok keras yang dipanggil "tegas", Tuhawon berasal daripada pokok yang dipanggil "uhawon", Bundu berasal daripada sejenis pokok buah-buahan yang dipanggil "belunu". Manakala, Paitan berasal dari nama Sungai Paitan dan Tangara bererti kawasan laut yang ditumbuhi dengan kayu bakau. Mereka membentuk sistem sosiobudaya mereka sendiri dan membentuk identiti masing-masing berdasarkan kepada nama tempat tinggal mereka.

Seperti yang dicatatkan oleh Shim (2007:23), kebanyakan mereka bekerja sebagai petani tradisional. Lazimnya mereka tinggal di kawasan pedalaman dan ada juga yang tinggal di pesisir dan tebing sungai. Penduduk yang tinggal di kawasan tebing sungai di bahagian pantai timur Sabah terdiri daripada subkumpulan penduduk yang beragama Islam. Dari segi kepercayaan beragama, majoriti mereka sebenarnya beragama Kristian dan terdapat juga sebahagian yang beragama Islam. Meskipun demikian masih terdapat juga kelompok individu yang masih mengamalkan kepercayaan animisme seperti pagan.

Dalam konteks asal nama perkataan orang Dusun, cerita lisan tempatan menyebut bahawa perkataan "dusun" berasal dari perkataan "lo sun" yang sama sebutannya dengan perkataan "dusun". Cerita lisan yang lain pula menyebut bahawa istilah "dusun" berasal daripada perkataan bahasa Cina dialek Kantonis yang berbunyi "lou tshun" bermakna "ketinggalan perahu". Perkataan "lou chuan" menjadi sebutan penduduk tempatan di Ranau dengan sebutan "lo sun" dan akhirnya disebut "dusun". Nama tersebut menjadi panggilan bagi orang-orang tempatan di Ranau. Apabila ramai penulis, pengembara dan pegawai British datang ke Sabah, mereka menggunakan nama tersebut untuk merujuk kepada masyarakat pribumi khasnya mereka yang bekerja sebagai petani dan tinggal di kawasan pedalaman, desa atau kawasan dusun dengan panggilan "Dusun" sahaja. Berdasarkan kenyataan tersebut, dapat disimpulkan bahawa sejarah asal-usul istilah Dusun bukanlah nama asal bagi suku kaum pribumi di Sabah tetapi adalah nama jolokan yang diberikan oleh orang lain untuk merujuk kepada masyarakat asli di Sabah yang sekarang ini dikenali sebagai "Dusun", kemudian

## RUJUKAN

- Achmad Sopandi. 2002. Warna Peribumi Etnik Sabah: Menjejaki Warisan yang Hilang. *Dalam* Ismail Ibrahim dan Jane Wong (ed.). *Warisan Seni Etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Broughton, K. 1996. *Textile Dyeing*. Amerika Syarikat: Rockport Publishers.
- Bruce, C. 1999. *Twenty Years in Borneo*. Kota Kinabalu: Natural History Publications.
- Chang Hon Woon. 1997. *Teori Seni Tampak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Charuruks, I. B. dan Padasian, J. 1992. *Cultures, Customs and Traditions of Sabah Malaysia an Introduction*. Kota Kinabalu: Sabah Tourism Promotion Corporation.
- Chin, L. dan Mashman, V. 1991. *Sarawak Cultural Legacy a Living Traditional*. Sarawak: Society Atelier Sarawak.
- Datu Bandira Datu Alang. 1992. *Iranun. Sejarah dan Adat Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Dayang Rosidah Awang Tinggal dan Mustafa Alba Ibrahim. 2002. Motif Etnik Sabah: Satu Persepsi Visual Pada Permukaan Kraf. *Dalam* Ismail Ibrahim dan Jane Wong (ed.). *Warisan Seni Etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Delamare, F. dan Guineau, B. 2000. *Colour: Making and Using Dyes and Pigments*. London: Thomas & Hudson.
- Dewi Mohd Salleh. 2003. *Pantang Larang Perkahwinan Suku Kaum Bajau: Kajian Kes di Daerah Kunak*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Feisner, E. A. 2001. *Colour: How to Use Colour in Art and Design*. London: Lourence King.
- Gage, J. 1993. *Colour and Culture*. London: Thomas & Hudson.
- \_\_\_\_\_. 1999. *Colour Meaning: Art, Science and Symbolism*. London: Thomas & Hudson.
- Gavin, T. 2004. *Iban Ritual Textiles*. Singapura: National University of Singapore Publishing.
- Green, C.L. 1995. *Natural Colourants and Dyestuffs*. Rome: Food and Agriculture Organizations of the United Nations.



- Fehrman, K. R. dan Ferhman, C. 2000. *Color the Secret Influence*. New Jersey: Prentice Hall.
- Fraser, T. dan Banks, A. 2004. *Designer's Color Manual: The Complete Guide to Color Theory and Application*. San Francisco: Chronicle Books.
- H.M Dahlan. 1998. Persoalan Pribumi Dalam Pembangunan *Dalam* Hasan Mat Nor (ed.). *Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hairi Abdullah. 1981. *Penduduk Residensi Pantai Barat*. Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haned Masjak. 2008. Lakar Purba *Dalam* Mohamad Najib Ahmad Dewa (ed.). *Susurmasa*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Hasan Mat Nor. 1998. *Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Heika S. dan Suriani Suratman. 1999. *Villagers in Transition Cases Studies from Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Humin Jusilin. 2010. Penggunaan Tubau dalam Masyarakat Iranun di Kota Belud, Sabah. *Gendang Alam*. Jilid 1: 15
- Irwin, G. 1986. *Borneo Abad ke Sembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ismail Ahmad. 1984. *Sistem Warna dalam Kebudayaan Masyarakat Illanun: Satu Pemerhatian Struktural. Satu Kajian Kes Terhadap Orang Illanun di Kg. Rampayan Laut, Kota Belud. Sabah*. Tesis Sarjana: Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail Ibrahim. 2007. *Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah*. Kota Kinabalu Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail Ibrahim dan Jane Wong Kon Ling (ed.). 2002. *Warisan Seni Etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Ittens, J. 1961. *The Art of Colour*. New York: Van Nostrand/Reinhold.
- \_\_\_\_\_. 2001. *The Elements of Colour*. New York: John Wiley & Sons Inc.
- Jennings, S. 2003. *Artist's Colour Manual*. London: HarperCollins Publishers.
- King, V. T. 1993. *The People of Borneo*. United Kingdom: Blackwell Publishers.

- Kuehni, R. G. 2005. *Color: An Introduction to Practice and Principles*. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Leigh, M. 2000. *Borneo 2000: Environment Conservation and Land*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- \_\_\_\_\_. 2000. *Borneo 2000: Politics, History & Development*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Lingenfelter, S. G. 1991. *Social Organization of Sabah Societies*. Kota Kinabalu: Muzium Sabah.
- Low Kok On. 2005. *Membaca Mitos dan Lagenda Kadazandusun*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mat Zin Mat Kib. 2002. Kumpulan Etnik di Sabah: Sejarah dan Perkembangan. *Dalam* Ismail Ibrahim dan Jane Wong(ed.). *Warisan Seni Etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Sarim Hj. Mustajab. 2004. *Warisan Budaya Sabah Etnisiti dan Masyarakat*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohamad Najib Ahmad Dewa. 2008. *Susurmasa*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Mohtar Md. Dom. 1997. *Kepercayaan dan Pantang Larang*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Mokhtar Saidin. 2008. Hasil Seni Zaman Pra Sejarah Malaysia *Dalam* Mohamad Najib Ahmad Dewa (ed.). *Susurmasa*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Nayan Ahmad. 1993. *Komunikasi Visual Teknik Fotografi Warna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ocvirk, O. G. dan Stinson, R. E. 1998. *Art Fundamentals the Theory and Practice*. Amerika Syarikat: The McGraw-Hill Companies.
- Parramon, J. M. 1988. *Color Theory*. New York: Watson-Guption Publication.
- Pearce, E. 1992. *Artist's Materials*. London: A&C Black Limited.
- Pentak, S. dan Roth, R. 2004. *Color Basic*. Amerika Syarikat: Wadsworth Thomson Learning.
- Peters, A.T and Freeman, H.S. 1991. *Colour Chemistry*. London: Elsevier Science Publishing.
- Phelan, P. R. 2001. *Head-Hunting and the Magang Ceremony in Sabah*. Kota



Kinabalu: Natural History Publication (Borneo) Sdn. Bhd.

Reinhold, V. N. 1991. *Mix and Match: Designers Colors*. London: Quarto Publishing.

Rita Lasimbang dan Stella Moo Tan. 1997. *An Introduction to the Traditional Costumes of Sabah*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo) Sdn. Bhd.

Rosnah Ismail. 1999. *Kualiti Keluarga Kadazandusun Satu Wawancara Kumpulan Berfokus*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

\_\_\_\_\_. 2001. *Interaksi Keluarga Bajau*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

\_\_\_\_\_. 2004. *Hubungan Kesulitan Ekonomi dengan Kefungsian Keluarga, Hubungan Perkahwinan dan Tingkah Laku Keibubapaan Etnik Rungus, Iranun dan Melayu*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Saidatul Nornis Haji Mahali. 1999. *Bahasa dan Alam Pemikiran Masyarakat Bajau*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Sather, C. 1997. *The Bajau Laut Adaptation, History and Fate in a Maritime Fishing Society of Sabah-Eastern Sabah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Shamsul Amri Baharuddin. 2007. *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.

Shim, P. S. 2007. *Inland People of Sabah*. Kota Kinabalu: Borneo Cultural Heritage Publisher.

Siti Zainon Ismail. 1985. *Getaran Jalur dan Warna*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

\_\_\_\_\_. 1984. *Laporan Penyelidikan Peralatan Seni/Budaya (Etnografi Bajau Darat) Residensi Pantai Barat*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

\_\_\_\_\_. 1997. *Malay Woven Textiles*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

\_\_\_\_\_. 1997. *The Malay Handicraft Design*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sulasmı Darmaprawira W.A. 2002. *Warna: Teori dan Kreativitas Penggunaannya*. Bandung: Penerbit ITB.

- Suraya Sintang. 2007. *Kehidupan Beragama Masyarakat Kadazandusun*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Syed Ahmad Jamal. 1992. *Rupa & Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Watch, M. and Hope, A. 1995. *Living Colour: The Definitive Guide to Colour Pallete Through the Ages*. San Fransisco: Chronicle Books.
- Zakaria Ali. 1985. *Dialog Seni Tampak*. Ter. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zelanski, P. dan Fisher, M. P. 2003. *Color*. London: Prentice Hall.

